

Fukuda: Pandang timur eratkan lagi 2 negara

KUALA LUMPUR, Selasa — Bekas Perdana Menteri Jepun Encik Takeo Fukuda hari ini, mengalukan dasar Kerajaan Malaysia memandang ke Timur. Beliau mensifatkan dasar itu sebagai langkah positif ke arah menyuburkan lagi perhubungan antara Jepun dan Malaysia.

Bercakap kepada pemberita-pemberita setibanya di Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang di sini untuk lawatan tiga hari, Encik Fukuda berkata, Malaysia dan Jepun mempunyai beberapa persamaan dalam bidang sosial dan budaya yang tidak wujud di negara-negara lain.

Katanya, terserahlah kepada Kerajaan Malaysia sama ada hendak menerima atau menolak sebahagian dari etika negara Jepun.

Menurut beliau lagi, sementara Malaysia mengamalkan dasar pandang ke Timur, mungkin Jepun pula boleh mengamalkan dasar pandang ke Asean.

Encik Fukuda yang akan berucap di pembukaan Simposium Kelima Jepun-Asean esok, berkata, beliau merasa takjub dengan pembangunan pesat yang berlaku di Malaysia.

"Setiap kali kemari, Saya dapati perubahan-perubahan besar berlaku", tambahnya.

Encik Fukuda yang diiringi oleh isterinya sebelum ini telah beberapa kali mengunjungi Malaysia.

Awal tahun 60-an, beliau datang menghadiri Persidangan Bank Pembangunan Asean ketika itu sebagai Menteri Kewangan Jepun.

Dalam tahun 1977, beliau datang lagi ke sini atas jemputan rakan sejawatnya ketika itu, Tun Hussein Onn.



PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) dibantu oleh seorang jurubahasa, berbual dengan bekas Perdana Menteri Jepun, Enkei Takeo Fukuda, selepas keduanya berucap di Simposium Asean-Jepun kelima yang berlangsung di Kuala Lumpur semalam.

Kedua mereka menyampaikan ucapan pembukaan dengan menyentuh berbagai aspek hubungan antara Asean-Jepun dan masalah semasa khususnya keadaan tidak stabil di Indochina. — Gambar Berita Harian.

No. Siri	6675
No. Penerbitan	992 / 86